

USM terima sumbangan

KOTA BHARU 12 Jun - Universiti Sains Malaysia (USM) menerima sumbangan peralatan makmal Elektrofisiologi berharga kira-kira RM250,000 daripada sekumpulan syarikat di Jerman bagi membantu institusi itu melaksanakan pengajian dalam bidang sains elektrofisiologi.

Pemberian peralatan itu sebagai sokongan kepada usaha mewujudkan sebuah makmal kekal pengajian tersebut yang baru dimulakan di Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) Kampus Kesihatan USM di sini.

Duta Jerman, Dr. Guenter Gruber menyampaikan peralatan itu kepada Pengerusi Lembaga Pengarah USM, Tan Sri Ani Arope di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Jabatan Neurosains, PPSP, Prof. Jafri Malin Abdulah.

Semasa berucap, Ani berkata, USM menghargai sumbangan tersebut dalam membangunkan asas pengajian sains elektrofisiologi pertama di universiti itu.

Katanya, makmal itu memberi

pengalaman secara teori dan praktikal kepada sekumpulan penuntut dan pensyarah neurosains berhubung kehidupan asas manusia.

Sempena penyerahan itu, seramai 12 siswa USM, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Darul Iman (UDM) menyertai program Sekolah Musim Panas anjuran University of Goettingen bagi memberi kemahiran dalam bidang itu.

Seramai sembilan orang pakar neurosains dari pelbagai universiti di Jerman dan seorang dari Austria pula mengendali kelas berkenaan yang berlangsung selama dua minggu berakhir 29 Jun ini.

Selain ceramah, penuntut terlibat turut didedahkan dengan kepakaran dan pengetahuan dalam penggunaan peralatan di makmal itu.

Ani berharap, kelas berkenaan yang dilaksanakan di bawah program Perkhidmatan Pertukaran Akademik Jerman (DAAD) yang diadakan dengan kerjasama USM itu berterusan pada masa hadapan.



ANI Arope (kanan) menerima sumbangan peralatan makmal sains elektrofisiologi daripada Dr. Guenter Gruber di USM Kampus Kesihatan Kubang Kerian, Kota Bharu, baru-baru ini.

UTUSAN
13 JUN 09.